

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK	United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Company No. 271809-K)
(Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Surat Kredit-i. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank sekiranya anda tidak memahamai mana-mana bahagian atau terma-terma di dalam dokumen ini).	Produk: Surat Kredit-i Tarikh:
1. Apakah produk ini?	
<p>Surat Kredit-i (SK-i) dikenali sebagai dokumentari kredit dan dihasilkan sebagai akujanji yang tetap dan tidak boleh ditarik balik oleh bank pengeluar bagi mengiktiraf permohonan yang dibuat. Hanya boleh dikeluarkan terus atau berasaskan usans, bergantung pada arahan yang diberi oleh pemohon.</p> <p>SK-i adalah instrumen berdokumen disediakan oleh bank-bank bagi menyediakan kemudahan transaksi perdagangan. Bank yang mengeluarkan SK-i akan mengeluarkan akujanji bertulis atas permohonan mengikut arahan pembeli (pemohon). Bank pengeluar atau bank yang mengesahkan (jika ada) menjamin bayaran kepada penjual (penerima amanah) jika mereka menunjukkan dokumen yang mematuhi terma dan syarat pengeluar SK-i Bayaran akan dijamin berdasarkan hanya kepada dokumen dan bukan barangan atau perkhidmatan seperti ianya dirujuk.</p>	
2. Apakah konsep Shariah yang berkaitan?	
<ul style="list-style-type: none"> • Konsep Shariah yang digunakan ialah Wakalah. • Wakalah boleh didefinisikan sebagai satu agensi perhubungan di mana bank bertindak sebagai ejen bagi pihak syarikat atau individu. Wakalah merujuk kepada Bank yang bertindak sebagai ejen kepada pelanggan. Bank menjadi ejen untuk membuat pembayaran manakala Pelanggan akan membiayai nilai penuh barangan sehingga SK-i matang. 	
3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?	
<p>Surat aku janji yang pasti dari UOB bagi mengiktiraf pembayaran (bayar bila diminta atau sehingga pada tarikh matang) semasa penyerahan dokumen mengikut terma dan syarat SK-i, peraturan yang berkenaan (Budaya dan Amalan Seragam untuk Dokumentasi Kredit / Uniform Customs and Practice for Documentary Credits – UCP600) dan piawai amalan perbankan antarabangsa yang berkenaan dari masa ke semasa boleh mengeluarkan SK-i. Terma dan syarat SK-i mengikat semua pihak kecuali diubahsuai mengikut kesesuaian atau tidak dimasukkan oleh SK-i. Penerima amanah dijanjikan bayaran selepas persembahan sempurna dan pemohon selesai untuk membayar setelah barangan dihantar.</p> <p>➤ Had Jumlah : RM_____</p> <p>➤ Komisen Surat Kredit-i : _____ % sebulan / sebahagian bulan</p>	
4. Apakah tanggungjawab saya?	
<p>Mematuhi terma dan syarat yang mengawal kemudahan kredit perdagangan Islamik yang UOB seperti yang ditakrifkan di dalam Surat Tawaran, Piawaian Am Terma dan Syarat Kawalan Kemudahan atau borang permohonan.</p>	

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Jumlah (RM)	
<ul style="list-style-type: none"> Komisen 	Jenis Caj Pewujudan Surat Kredit-i	Komisen pada kadar 0.1% sebulan dengan minima atau RM100
	Pemindaan Surat Kredit-i > Jika berkaitan dengan tempoh lanjutan Surat Kredit-i / peningkatan jumlah/amaun > Jika tidak berkaitan dengan tempoh lanjutan Surat Kredit-i / peningkatan jumlah/amaun	0.1% sebulan dengan minima atau RM50 Komisen pada kadar RM50
	Komisen penerimaan ke atas Surat Kredit-i Usans	Komisen pada kadar 0.1% sebulan dengan minima atau RM100
	<ul style="list-style-type: none"> Duti Setem 	
	<ul style="list-style-type: none"> Duti Setem, di mana berkenaan, tertakluk kepada Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) 	
	Jenis Caj Perjanjian Kemudahan Lain-lain dokumen keselamatan > Surat Tawaran Caj-caj Lain	Ad Valorem Nominal Caj-caj yang lain adalah mengikut Tarif Caj Piawaian Bank
<ul style="list-style-type: none"> Rentas SWIFT Caj Kabel Caj Lain 	<ul style="list-style-type: none"> RM9 RM50 RM50 Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut 	

Sila berurusan dengan Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan butiran yuran dan caj Perbankan Islam Produk dan Perkhidmatan Pembiayaan Perdagangan atau sila rujuk laman web korporat kami.

Sekiranya ada apa-apa perubahan pada yuran dan caj yang berkaitan dengan produk ini, kami akan menghubungi anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaannya.

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Sekiranya anda gagal dalam kewajipan membuat pembayaran mengikut tempoh yang ditetapkan, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:

- Kemudahan SK-i anda mungkin akan dibatalkan.
- Anda perlu membayar semua kos tambahan, caj dan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga SK-i dibayar sepenuhnya.
- Hak Untuk Tolak Selesai**
Bank berhak untuk menolak mana-mana baki kredit dalam deposit anda dengan Bank terhadap mana-mana jumlah pembiayaan terkumpul dengan memberi tujuh (7) hari kalendar, dan Bank boleh menjalankan hak-haknya dan memulakan proses pemulihan / tindakan undang-undang

<ul style="list-style-type: none">• Tindakan Undang-undang Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan.
7. Bagaimanakah sekiranya saya membayar sepenuhnya pembiayaan sebelum tamat tempoh matang?
<ul style="list-style-type: none">• Tidak berkenaan.
8. Adakah saya perlukan perlindungan takaful?
<ul style="list-style-type: none">• Takaful adalah diperlukan dan insurans dibenarkan tertakluk kepada keperluan resolusi Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia.• Polisi insurans kargo Marine / sijil penghantaran perkapalan / penghantaran barangan melibatkan transaksi SK-i, tertakluk kepada susunan di dalam kontrak jualan anda. Kadar Insurans/perlindungan biasanya pada 110% dari nilai transaksi.
9. Apakah risiko-risiko utama?
<ul style="list-style-type: none">• Anda akan didedahkan kepada risiko di mana barangan yang diterima tidak bersesuaian dengan kontrak jualan yang termaktub di dalam peraturan antarabangsa yang mengawal Surat Kredit (UCP 600):<ul style="list-style-type: none">➢ Bank hanya berurusan dalam dokumen dan tidak berkaitan dengan barangan dalam Surat Kredit-i.➢ Surat Kredit-i adalah transaksi berasingan daripada kontrak jualan walaupun Surat Kredit-i dikeluarkan berdasarkan kontrak jualan.
10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan pada butiran peribadi saya?
<ul style="list-style-type: none">• Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.• Sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda di cawangan UOB yang berdekatan atau Pusat Perkhidmatan Perniagaan Perbankan atau menghubungi Pengurus Perhubungan UOB anda.
11. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan pertolongan?
<ul style="list-style-type: none">• Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121• Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke enquiry@akpk.org.my).• Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh

Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel:1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my).

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk kami, sila lawati kami di cawangan OUB yang berhampiran, emel ke tradecustomerservice@uob.com.my atau layari www.uob.com.my untuk maklumat lanjut
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perbankan Telefon UOB 24-jam kami di:

Kuala Lumpur	(6) 03 - 26128 121
Penang	(6) 04 - 2401 121
Johor Bahru	(6) 07 - 2881 121
Kuching	(6) 082 - 287 121
Kota Kinabalu	(6) 088 - 477 121

13. Lain-lain kemudahan Perdagangan yang ada disediakan?

- Jaminan Bank-i
- Resit Amanah-i
- Bil Penerimaan-i

CATATAN PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA MELANGGAR MANA-MANA TERMA PEMBIAYAAN TERKANDUNG DI SINI PADA TARIKH TAMAT TEMPOH

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini sah pada June 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sebagai petunjuk dan tidak mengikat pihak Bank. Terma-terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan / atau Perjanjian Kemudahan selepas penilaian bank dan kelulusan pembiayaan

<p>Saya / Kami dengan ini mengaku bahawa Pelanggan telah diberikan penerangan tentang Lembaran Maklumat Produk.</p> <p>.....</p> <p>Nama: No K/P: Tarikh:</p>	<p>Saya / Kami dengan ini mengaku telah menerima dan faham penerangan yang telah diberikan.</p> <p>.....</p> <p>Nama: No K/P: Tarikh:</p>
---	---